

21 JUN 2001

Umno-Asing (Reaksi)

SIKAP TERBUKA DR MAHATHIR BOLEH MEMPERKUKUHKAN LAGI PERPADUAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Sikap terbuka dan berterus-terang yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno ketika menyentuh mengenai orang Melayu, menerima pujian seorang tetamu asing.

Setiausaha agung Parti Republik Rakyat Yaman Dr Abdul Karim Al-Iryani berkata ucapan panjang lebar Dr Mahathir yang juga presiden Umno, menawarkan penyelesaian kepada permasalahan di kalangan orang Melayu.

"Saya kagum kerana beliau berterus-terang dengan orang Melayu dan saya rasa sikap berterus-terang serta terbuka itu akan memperkukuhkan parti serta rakyat Malaysia keseluruhannya," kata Dr Abdul Karim yang juga bekas Perdana Menteri Yaman.

Sebagai seorang pemimpin Islam yang hebat, Dr Mahathir sentiasa mencuri tumpuan seperti pada persidangan-persidangan Islam dengan kewibawaan beliau dalam mempertahankan Islam, penentang musuh Islam dan penyokong rakyat Palestin, dan namanya popular di Yaman, kata Dr Abdul.

"Dr Mahathir begitu berkebolehan dalam menangani isu-isu antarabangsa pada persidangan dunia, dan saya menyanjunginya dan pada masa yang sama kagum mendengar nasihat beliau kepada rakyatnya sendiri," katanya.

Dr Abdul adalah antara 59 perwakilan asing dari lebih 20 buah negara yang menghadiri sesi pembukaan Perhimpunan Agung Umno ke-55 itu.

Antara parti politik asing yang hadir ialah Parti Sosialis Ba'ath Republik Arab Iraq, Parti Komunis Cuba, Jamiate Islami Afghanistan, Parti Komunis China, Parti Kebebasan Sri Lanka, Parti Pekerja Korea dari Korea Utara dan Kongres Kebangsaan Afrika dari Afrika Selatan.

Sementara itu, wakil Libya, Mufta Ali Mohamad berkata ucapan Dr Mahathir jelas menggambarkan pentingnya Umno kepada orang Melayu.

"Ucapan beliau penuh dengan idea yang mencerminkan beliau bersungguh-sungguh mahu melihat rakyat Malaysia maju dan makmur serta mengambil berat kebajikan sosial," katanya.

Sementara itu, perwakilan daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) Borhan Ariffin berkata teguran Dr Mahathir terhadap sikap memberontak yang membawa kepada tindakan reformasi sebagai tidak sesuai, adalah tepat.

"Apa yang telah dinyatakan oleh Dr Mahathir (mengenai reformasi) memang betul kerana reformasi yang sebenarnya ialah ketika menentang penjajahan Jepun dan British pada masa lampau," katanya.

Beliau berkata seharusnya orang Melayu tidak terlalu memikirkan bagaimana untuk memberontak atau mengadakan reformasi tetapi lebih baik sekiranya berusaha untuk memantap dan mengukuhkan bangsa Melayu.

Beliau turut menyokong ucapan Perdana Menteri yang mengimbas kembali sejarah lampau mengenai usaha dan perjuangan bangsa Melayu mendapat kemerdekaan dan seterusnya memberi kesedaran kepada mereka mengenai penat lelah pemimpin dan orang Melayu terdahulu untuk mendapatkan kemerdekaan.

Wakil parti Parti Kebangsaan Bangsa (PKB) Indonesia Dr H.L Misbah Hidayat berkata tindakan Malaysia tidak meminta bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika krisis kewangan 1997 dikagumi oleh rakyat Indonesia.

"Tindakan kita (Indonesia) meminta bantuan daripada IMF telah menyebabkan kita terpaksa bergantung selama-lamanya kepada orang asing," katanya dan menambah akibat terlalu mudah meminta bantuan kewangan asing, jumlah hutang luar Indonesia kini mencecah USD200 billion.

-- BERNAMA
WNZ MHI LAT